# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 23 BILANGAN 43 | RABU 25HB. OKTOBER, 1978. | رابو 23 ذوالقعدة 1398 | PERCHUMA




Y.A.M. Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana, Pg Haji Mokhtar Puteh (tengah) ketika merasmikan Jambori Pengakap Di-Udara pada hari Sabtu lalu.

# Sekarang bukan zaman berdailog

BERAKAS. — Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Hj Mokhtar Puteh bin Pg Hj Rajid telah menekankan bahawa zaman kita sekarang ini bukan-lah zaman untok berdailog tetapi ia-lah zaman untok kita bertindak dan mengambil tindakan2 yang tegas yang mendatangkan faedah untok raayat.

Yang Amat Mulia itu telah bersabda demikian sa-jurus sabelum merasmikan Jambori Pengakap Di-Udara kali ke-21 dan kali ketiga ia di-sertai oleh negeri ini bertempat di-Padang Sekolah Inggeris Berakas di-sini pagi Sabtu yang baru lalu.

Dalam sabda-nya Yang Amat Mulia mengingatkan pemimpin2 pengakap dan pandu puteri supaya menchekapi anggota2 pengakap dan pandu puteri untok betul2 faham dan mengenal akan erti apa itu pemimpin.

Sabda Yang Amat Mulia mereka perlu-lah mengenal apa itu pemimpin, bukan hanya dari segi perchakapan yang boleh di-dengar ataupun perbuatan2 yang boleh di-lihat tetapi jiwa yang tidak boleh di-lihat ataupun yang di-dengar itu, biar-lah jiwa pemimpin yang sebenar2-nya yang boleh di-harapkan buat masa ini dan akan datang.

"Jangan-lah kira-nya saperti kata pepatah kita di-Brunei ini, lurus di-luar dan ranchong di-dalam", jelas Yang Amat Mulia.

Yang Amat Mulia seterus-nya berseru supaya pengakap dan pandu puteri akan menggunakan mass-media yang ada dengan sebaik2-nya mengikut tujuan yang asal, kerana tidak ada senjata yang lebeh kuat atau berkesan untok menchapai keamanan dan kemakmoran selain daripada persahabatan yang jujor dan ikhlas.

Lihat muka 16

# KINI PENDUDOK BRUNEI LEBEH 200 RIBU

**BANDAR SERI BEGAWAN. —Brunei mengalami pertambahan pendudok kira2 11,000 orang dalam sa-tahun ia-itu dari antara pertengahan tahun lalu hingga pertengahan tahun ini.**

**Kini pendudok Brunei telah meningkat sa-ramai 201,260 orang berbanding dengan bilangan tahun lalu sa-ramai 190,360 yang menunjokkan pertambahan sa-ramai 10,900 orang atau kadar penambahan kira2 5.7 peratus.**

Dari jumlah pendudok Brunei sekarang ini ada-lah mengandongi sa-ramai 119,460 orang lelaki dan 81,800 orang perempuan.

Jumlah pertambahan yang tinggi itu bukan-lah semata2 dari bilangan pertambahan pendudok2 asli negeri ini, tetapi ada-lah di-sebabkan menchurah-nya kemasokan pekerja2 asing dan tanggongan mereka.

Menurut siaran perangkaan, kemasokan berseh pekerja2 asing dan tanggongan2 mereka di-anggarkan sa-ramai 6,110 orang yang merupakan penambahan sa-banyak 3.2%. Bagaimanapun bilangan ini ternyata menurun jika di-bandingkan dengan kadar penambahan kemasokan berseh bagi anggaran pertengahan tahun 1977 yang menunjokkan sa-banyak 4.8%.

Kemasokan pekerja2 asing itu ada-lah di-sebabkan penggunaan tenaga bagi ranchangan2 pembangunan di-bawah Ranchangan Kemajuan Negara Lima Tahun yang bermula awal tahun 1975.

Walau bagaimanapun, tingkatan kadar kedatangan pekerja2 asing itu di-dapati berkurangan jika di-bandingkan dengan tingkatan kadar2 kemasokan mereka pada tahun2 jangka waktu perlaksanaan Ranchangan Kemajuan Negara yang berlalu.

Kebanyakan dari pekerja2 asing yang terjumlah dalam anggaran pertengahan tahun ini ada-lah datang-nya dari negeri2 jiran yang berdekatan dan sabilangan besar daripada mereka itu ada-lah terdiri dari kaum belia dan beliawanis di-dalam lingkongan umor antara 20 ka-29 tahun.

Sementara itu, penambahan dari sebab semula jadi ia-itu jumlah kanak2 di-peranakkan dan jumlah kematian ada-lah di-anggarkan sa-banyak 4,790 dan ini hanya-lah merupakan penambahan dengan kadar 2.5%, satu jumlah yang lebeh rendah dari kadar penambahan anggaran pertengahan tahun 1977.

Mengikut pembahagian umor pula, hampir 15.3% dari pendudok Brunei ada-lah di-anggarkan berumor di-bawah 5 tahun, sementara 46.5% ada-lah berumor di-bawah 20 tahun, ia-itu perengkat umor yang hendak memulakan persekolahan dan yang sedang berada dalam persekolahan.

Jumlah besar dari kanak2 damit sa-hingga belia dan beliawanis Brunei yang berumor sahingga 24 tahun ada-lah meningkat ka-angka 115,350, sementara yang berumor dari 25 hingga 44 tahun ada-lah sajumlah 51,940 orang, dan dari 45 tahun ka-atas ada-lah berjumlah sa-ramai 33,970 orang.

Lihat muka 16

# Perdagangan luar Brunei meningkat maju

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei mendapat kelebehan dalam imbangan perdagangan sa-banyak $1,759 juta bagi satengah tahun pertama 1978, sementara yang di-perolehi bagi tempoh yang sama tahun lalu ia-lah sa-banyak $1,424 juta. Ini menunjokkan bahawa Brunei memperolehi kelebehan sabanyak $335 juta.**

Kelebehan tersebut ada-lah sa-bahagian besar-nya berpuncha dari hasil minyak mentah, gas asli dan hasil lain dari minyak petroleum yang menjadi sumber utama ekonomi Brunei.

Kedudokan nilai impot ada-lah berkurangan sa-banyak $21 juta dalam mana perangkaan bagi sa-tengah tahun pertama 1978 itu menunjokkan bahawa impot ada-lah bernilai sabanyak $301 juta sedangkan nilai impot tahun lalu dalam tempoh yang sama ada-lah sa-jumlah $322 juta.

Sementara nilai ekspot pula telah bertambah dari jumlah $1,746 juta tahun lalu kapada $2,060 juta tahun ini.

Impot yang paling penting ia-lah alat2 jentera dan pengangkutan yang berjumlah $96 juta, tetapi jumlah ini ada-lah berkurangan dari tahun lalu yang menunjokkan sa-banyak $108 juta.

Impot barang2 perusahaan juga berkurangan dengan jumlah $86 juta tahun ini berbanding dengan $98 juta tahun lalu. Impot barang2 makanan

Lihat muka 16

# Memandu di-pantai satu kesalahan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Memandu kenderaan serta menunggang motosikal di-pantai ada-lah di-larang.

Pehak Pulis dalam satu amaran yang di-keluarkan pada minggu lalu bahawa memandu di-pantai bukan sahaja membahayakan, tetapi ia-nya juga ada-lah satu kesalahan di-bawah Undang2 yang di-luluskan awal tahun ini.

Menurut undang2 tersebut tidak membenarkan sebarang kenderaan untok di-gunakan di-pantai tanpa kebenaran dari pehak Pulis atau Jabatan Pengangkutan Darat.

Amaran ini di-keluarkan berikutan dengan satu kemalangan yang berlaku di-Pantai Panaga di-mana saorang pekerja Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Awang Breuan Burkhart telah melanggar sa-buah pelantar. Beliau telah mendapat chedera parah dan sedang di-rawat di-rumah sakit.

# Kursus Perkhidmatan Kapada Awam

BANDAR SERI BEGAWAN. Kursus Perkhidmatan Kapada Awam sa-lama dua hari akan bermula pada hari ini di-Pusat Latehan di-Jalan Kumbang Pasang.

Sa-ramai 18 orang pegawai2 Kerajaan yang bertugas sachara langsong dengan orang ramai dari sembilan buah jabatan akan menyertai kursus yang di-anjorkan oleh Yunit Latehan Jabatan Perjawatan itu.

Empat orang pegawai kanan akan memberikan cheramah sa-panjang kursus tersebut.

Pelita Brunei
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

25HB OKTOBER, 1978

# JAYAKAN MINGGU KESIHATAN

MINGGU KESIHATAN kali pertama yang pelancharan-nya telah di-lakukan minggu ini atas inisiatif Jabatan Perubatan dan Kesihatan Brunei bertujuan untok mengujudkan keadaan sekeliling yang sehat dan berseh sa-bagai satu sumber asas bagi kesihatan kita, perlu-lah di-dokong dan di-jayakan bersama oleh kita semua untok menjangkau kesempurnaan-nya.

Mempastikan keadaan sekeliling perlu berseh dan sehat untok kita sayugia di-sedari bahawa menjaga kebersehan diri, kawasan rumah, makanan dan minuman dan segala apa jua yang bersangkutan dalam kehidupan kita ada-lah juga merupakan suatu surohan Ugama Islam yang menjadi tunggak kesempurnaan hidup masharakat Brunei Darussalam ini.

Dengan itu hasrat untok menchapai kebersehan demikian sapertimana yang di-harapkan oleh Pemangku Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan Brunei, Yang Berhormat Dato Paduka Dr Haji Johar dalam perutusan-nya minggu lalu di-Pelita Brunei menekankan bahawa sektor2 perniagaan dan perindusterian hendak-lah memberikan kerjasama mereka untok mengkesankan usaha tersebut.

Penchemaran alam sekeliling saperti yang kita ketahui ada-lah berpuncha dari banyak chara dan sebab. Dari apa yang di-tekankan oleh Yang Berhormat Pemangku Pengarah Perubatan dan Kesihatan itu bahawa penchemaran alam keliling ada-lah berpuncha dari hasil pengeluaran sambilan kegiatan2 manusia yang di-buang tidak menentu. Ini memang benar.

Kalau kita amati dan perhatikan dari satu tempat ka-satu tempat yang ada di-diami oleh sa-kumpolan orang di-negeri ini, kita pasti akan ketemu beberapa keadaan yang tidak menentu yang tidak shak lagi boleh menjejaskan kesempurnaan kesihatan keliling.

Tidak heran-lah suatu ketika dulu, Majlis Belia2 Negeri Brunei berinisiatif membersehkan beberapa kawasan tertentu termasok pantai2 peranginan dan baru2 ini mereka membersehkan kawasan perumahan di-sepanjang Jalan Gadong yang di-tumbohi oleh timbunan bangkai2 kenderaan dan semak2, rumput-rampai yang tidak terjagai.

Dari usaha2 yang di-gerakkan oleh MBB itu di-tempat2 demikian sa-olah2 memberi pengakuan kapada kita bahawa penghuni2 yang ada di-kawasan itu tidak mahu menjaga kebersehan dan kesihatan mereka malah senghaja menimbun dan meletakkan bangkai2 kenderaan yang sudah tidak di-gunakan lagi.

Dan kini daya usaha untok menjaga kebersehan di-ambil peranan pula oleh pehak Kerajaan dengan Minggu Kesihatan-nya.

Apa-kah kita orang2 Brunei ini tidak mahu menjaga kebersehan dan kesihatan yang terjamin sepanjang masa tanpa di-dahului oleh satu2 pehak untok melakukan-nya? Dari gerak laku ini kita boleh di-ibaratkan saperti di-chuchok hidong baru bersen!

Justeru itu, demi untok menjamin kebersehan keliling dari di-timpa oleh unsor2 penchemaran, kejayaan usaha ini sa-bahagian besar-nya bergantong kapada penyertaan masharakat dan mereka yang mempunyai fikiran sivik dan Minggu Kesihatan yang di-adakan itu memberikan bimbingan2 bagi menambahkan kesedaran ka-arah-nya.

Saperti juga di-sekolah2, peringatan untok sentiasa menjaga kebersehan di-kalangan kanak2 perlu-lah sentiasa di-lakukan oleh pehak guru2. Sebab melateh kanak2 berbuat demikian akan dapat melahirkan golongan masharakat kita di-hari depan sa-bagai yang sentiasa ingat akan kebersehan.

Mudah2an usaha2 yang berkebajikan yang di-laksanakan oleh MINGGU KESIHATAN itu dan latehan2 yang berkesan di-kalangan murid2 sekolah itu akan dapat memberikan jaminan dalam masharakat kita dari bahaya penchemaran alam keliling.

# SENARAI HARGA KERETA

BERIKUT ia-lah senarai harga kereta bagi ajen penjual kereta Sharikat N.B.T. yang telah di-persetujui oleh Pengawal Harga, Brunei.

## N.B.T. (BRUNEI) LIMITED

| JENIS KERETA | HARGA JUALAN (Showroom Selling Price) | HARGA JUALAN PENOH (Selling Price On The Road) |
|---|---|---|
| TOYOTA STARLET 5-DOORS<br>Model: KP60R-PHMRS<br>rear wiper, radio, spare tyre and standard tool set | $10,729.00 | $11,121.00 |
| TOYOTA CORONA STATION WAGON<br>Model: RT116-KRF | $13,824.00 | $14,339.00 |
| TOYOTA COROLLA DELUXE<br>Model: KE30R-KDF<br>radio, radial tyres, rear defogger, blower, new face lift, seat belts, electric clock | $11,350.00 | $11,755.00 |
| TOYOTA COROLLA LIFT BACK<br>Model: KE50R-LKD<br>carpet, clock radio, ST special tyres, fabric upholstery | $11,788.00 | $12,202.00 |
| TOYOTA CRESSIDA SALOON<br>Model: RX30R-EKD<br>radial tyres, electric clock, AM pushbutton radio, console box, cigarette lighter, cassette tape player, day/night inside rearview mirror, vinyl seats, seat belts, front demister | $15,180.00 | $15,704.00 |
| TOYOTA CRESSIDA STATION WAGON<br>Model: RX35R-WKR | $15,250.00 | $15,800.00 |
| TOYOTA CRESSIDA STATION WAGON<br>Model: RX35R-WKR<br>air-condition | $17,190.00 | $17,766.50 |
| TOYOTA CELICA ST<br>Model: TA40R-BCMSB<br>GT special tyres, radio, cassette stereo player, clock, seat belts, front demister, head rest and cigarette lighter | $15,900.00 | $16,450.00 |
| TOYOTA CELICA GT<br>Model: TA40R-BCMQG<br>radial tyres, radio, cassette tape stereo player, clock, seat belts | $19,500.00 | $20,125.00 |

Orang ramai boleh-lah melihat jadual harga2 kereta yang telah di-persetujui yang telah di-chap dan di-tanda tangani oleh pehak berkuasa Pengawal Harga. Mana2 jadual harga kereta yang di-tunjokkan tidak mempunyai chap dan tanda tangan dari pehak berkuasa Pengawal Harga, ada-lah tidak sah. Dan orang ramai ada-lah di-harap memberikan kerjasama atau melaporkan kapada pehak yang berkenaan, talipon nombor 25555, Yunit Peranchang Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, mana2 ajen kereta yang telah menyalah gunakan jadual harga kereta yang telah di-tetapkan itu.

# Penuntut2 menderma darah

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-ramai 34 orang penuntut termasok 15 orang perempuan dan tiga orang pensharah di-Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di-sini telah menderma sa-jumlah 33 pint darah kapada Tabong Darah.

Pengambilan darah itu telah di-lakukan di-dewan maktab tersebut pada 21hb Oktober yang lalu.

Tabong Darah Negeri Brunei sa-takat ini telah berjaya mengutip sa-banyak 1,372 pint darah sejak kempen itu di-mulakan dalam bulan Januari lalu.

Sementara itu, kakitangan dari Bahagian Darah Jabatan Perubatan dan Kesihatan akan berada di-Maktab SOAS di-Bandar Seri Begawan pada 30hb ini untok menjalankan pengambilan darah dari penderma2 di-maktab tersebut.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah bermula pada 19hb Oktober, 1978.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. UDANG KERING — $6.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   (a) Leong Huat, No. 57, Jalan Sultan.
   (b) Chop Hock Huat, No. 62, Jalan McArthur.
2. KULAT KERING BERTANGKAI — $2.50 sa-tahil boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   (a) Liong Yu Co., No. 58, Jalan Sultan.
   (b) Chop Hock Huat, No. 62, Jalan McArthur.
   (c) Chye Ghee Seng, No. 76, Jalan Roberts.
3. KACHANG TANAH—$1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Chin Seng, No. 107, Jalan Chevalier.

**KUALA BELAIT**

1. UDANG KERING — $6.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   (a) Soon Soon, No. 99-B, Jalan McKerron.
   (b) Sharikat M. Haji, No. D-2, Bangunan Dewan Perdagangan China.
2. KULAT KERING BERTANGKAI — $2.70 sa-tahil boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Yick Yuen, No. 3, Jalan Pretty.
3. KACHANG TANAH — $1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   (a) Yick Yuen, No. 3, Jalan Pretty.
   (b) Guan Heng, No. 30-C, Jalan Sungai.
   (c) Soon Seng & Company, No. 32, Jalan Pretty.
   (d) Kok Kee, No. 60, Jalan Pretty.
   (e) Fon Soon, No. 60-A, Jalan Pretty.
   (f) Chop Hwa Min, No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China.
   (g) Hwa Mee, Bangunan Foo Chow.

**SERIA**

1. UDANG KERING — $6.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   (a) Chin Siong Hin, No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.
   (b) Chop Kim Huat, No. 53, Jalan Bunga Kuning.
2. KULAT KERING BERTANGKAI — $2.60 sa-tahil boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   (a) Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
   (b) Chop Yick Heo, No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.
   (c) Chop Nam Wah, No. 64, Jalan Bunga Kenanga.
3. KACHANG TANAH—$1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.

# Pendaftaran di-buka

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pendaftaran bagi memasoki Kelas Pelajaran Dewasa, menaip dan trengkas di-Sekolah Melayu Haji Mohammad Salleh Sungai Hanching, Jalan Muara sedang di-buka. Mereka yang berhajat untok memasoki kelas2 tersebut boleh-lah mendaftarkan nama ka-sekolah itu pada tiap2 hari Jumaat dan Ahad mulai pukol 8.00 pagi.

Sementara itu pendaftaran bagi memasoki kelas2 yang sama di-Sekolah Melayu Delima Satu, Berakas juga di-mulai dari sekarang dan waktu2 pendaftaran ia-lah pada tiap2 hari Jumaat dan Ahad mulai pukol 2.00 petang.

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 25hb hingga 31hb Okt. 1978

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis | 25.10.1978 | Rabu | 8.30– 9.00 pagi |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 25.10.1978 | Rabu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Melayu Masin | 25.10.1978 | Rabu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Birau | 28.10.1978 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 28.10.1978 | Sabtu | 2.45– 3.45 ,, |
| Sekolah Melayu Lamunin | 28.10.1978 | Sabtu | 4.00– 5.00 ,, |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah) | 30.10.1978 | Isnin | 2.00– 3.00 ,, |
| Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan | 30.10.1978 | Isnin | 3.30– 5.30 ,, |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 31.10.1978 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Dato Mahawangsa, Lambak | 31.10.1978 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |

# Perubahan sementara

BANDAR SERI BEGAWAN. —Bahagian Melayu Radio Brunei mengumomkan satu perubahan dalam perkhidmatan-nya bagi pendengar2 di-Daerah Tutong dan Belait.

Mulai 1hb hingga 23hb Nobember depan, siaran Radio Brunei akan dapat di-ikuti melalui gelombang 1240 kilohertz atau 242 meters bagi menggantikan gelombang 580 kilohertz atau 517 meters.

# $1.7 BILLION TRADE SURPLUS FOR THE FIRST 6 MONTHS

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Economic Planning Unit releasing figures on Brunei external trade for the first half of this year said exports totalled $2,026 million and imports B$301 million which gave the State a surplus trade balance of $1,759 million.

During the same period last year, exports amounted to $1,746 and imports to B$332 million leaving a surplus trade balance of B$1,424 million.

The EPU said machinery and transport equipment topped the year's list of imports at B$96 million followed by manufactured goods a B$86 million, food B$47 million, miscellaneous manufactured articles B$23 million and chemicals B$20 million.

The State's most important exports were crude oil which totalled B$1,279 million, natural gas B$675 million and petroleum products B$81 million. Natural rubber, sawn timber and pepper were also exported but on a much smaller scale.

The four major countries which exported their goods to Brunei were Japan B$70 million, Singapore B$65 million, the United States B$51 million and the United Kingdom B$31 million.

Brunei products were mainly imported by Japan B$1,548 million, the United States B$183 million, South Africa B$101 million, Formosa B$101 million and Singapore B$89 million.

## Three Attend Course in France

MUARA. — Three officers of the First Flotilla of the Royal Brunei Malay Regiment are at present attending a month course on missile in France.

The three men, Yang Dimuliakan Pehin Datu Juragan Laila Diraja Major Kifli bin Orang Kaya Laila Setia Razali, Major Mohammad Noh bin Abdul Hamid and Captain Shari bin Haji Ali, left the State last week.

On completion of the course, the three Officers will return to Brunei to supervise the operation of missiles on the new flag ship of the flotilla, the KDB WASPADA, which was commissioned at a ceremony recently.



## Art exhibition

KOTA BATU. — An art exhibition is currently being held at the Brunei Museum here in conjunction with His Highness the Sultan's thirty-second birthday celebrations.

The exhibition, organised by the Brunei Artists Association, was declared open last week by the Acting Director of Medical and Health Services, Dato Paduka Dr Haji Johar bin Dato Paduka Haji Noordin.

It has on display about one hundred and fifty items submitted by more than fifty local artists.

The public can see these exhibits daily from nine to five for the next seven days.

Our picture above shows Dato Dr. Haji Johar presenting Steve Mitchell of the Sixth Form Centre the first prize in the landscape section.

The other winners were Fahmi Haji Suhaili of RTB — potrait section; Pengiran Ibrahim Pengiran Haji Abu Bakar — batek section; Bimbo Pascual of RTB — cooper tooling section; Norariffin Md. Yassin of RTB — abstract section and Osman Mohammed of RTB — Still life section.

## Malay language exam.

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Education Department is organising a Malay language examination for non-Malay adult class students.

The examination will be held at four centres in the State in December and the subjects are reading, oral, essay and letter writing.

Adult class students who wish to sit for the examination are requested to register with their respective teachers as soon as possible.

# COMMUNITY PARTICIPATION VITAL TO SUCCESS

THE following is a message from the Acting Director of Medical and Health Services, Dato Paduka Dr. Haji Johar bin Dato Paduka Haji Noordin in conjunction with Health Week.

HEALTH Week in Brunei is being observed for the first time after many years to encourage public participation in maintaining a healthy enviroment in the State. We hope to make this an annual event.

At a time when the number of cases of food poisoning and those due to accidental poisoning (insecticide etc.) and the death toll on the roads are rising it is even more important that the public is kept constantly aware of these hazards and enviromental pollutants in order to minimise the morbidity and mortality in the State.

The pollutants of our environment are really the by-products of human activities which are indiscriminately discarded. These include improper human sewage disposal and excretory waste from animals and industries, household refuse, pesticides, empty cans and bottles which are breeding places of diseases-causing mosquitoes etc.

With the rapid development going on in the State and growing food establishments and industries it is inevitable that all efforts to control environmental pollution must be stepped up and the public is constantly kept aware of the dangers of indiscriminate refuse disposal and unsafe eating habits.

Every individual is entitled to a safe and healthy environment so that he is able to develop his full physical, emotional and social potential. The preventive Health Services of the Medical and Health Department is geared to provide services to achieve the highest standards of clean food, safe water and a healthy environment free of disease-causing organisms and vectors.

However the degree of success in preventive work largely depends on community participation and a civic sense. With this in mind we are launching Health Week from October 23 to 28. Activities include a food Hygiene Seminar for food handlers and a campaign to promote Breast Feeding which is the best and Natures own food for the infant.

The Municipal Boards and District Officers and Social Welfare Department will participate in the activities by organising clean up campaigns in the respective districts. The commercial sector and voluntary organisations have been requested to join in these activities. Response has been spontaneous.

I take this opportunity to request for public participation too, particularly the commercial sector — to keep their individual home surroundings and business premises clean and join us in a concerted and continuous effort to create a Healthy environment which is the basic requirement for a Healthy Nation. I hope Health Week in Brunei will carry its message to our people.

## Police command course

BANDAR SERI BEGAWAN. — Assistant Superintendent Haji Seruji bin Haji Shukor (left) was among senior police officers from ten countries attending a three months training course at Britain's 'Police University' the Bramshill Police College in southern England.

With him in this British Information Services picture are Senior Superintendent A. Tagicakiverata of Fiji (centre) and Assistant Commissioner H. Tokam of Papua New Guinea.

The three are seen discussing and planning operational action on a simulated hostage situation following an illustrated lecture during the final phase of the course which is designed to give an insight at command level into the British police service and its methods including a short attachment to a regional police force.

The final phase comprises a variety of simulated 'conflict' situations for which students have to compile operational plans on a hijacking, kidnapping and a terrorist attack involving joint police/military command procedures.

Bramshill College is one of the world's leading centre for the training of present and future heads of police service and maintains special relationships with police training establishment all over the world, often exchanging staff for training purposes.



## *Breast feeding is best*

**BELOW is a message from the Medical Officer of Health, Dr. P. Durayappah on Breast Feeding.**

IT is universally accepted that Breast Milk is the best milk for the new born. It is Natures own food for baby and no other substitute milk food can excel breast milk.

Unlike artificial milk foods, breast milk need no advertisement. It is clean, healthy and safe. Mothers don't seem to give serious thought to all these advantages and as a result resort more and more to artificial milk foods. This attitude must be changed and the time has come to reconsider the case for breast feeding among our society.

A child on breast milk not only receives a balanced nutritive diet but in addition it receives from the mother protective factors called antibodies which protects the baby from many childhood diseases and gives it power to resist them. These protective factors are not found in any artificial milk food.

The other advantages in breast feeding is that breast milk is clean, fresh and needs no preparation. There is absolutely no risk of diarrhoes and stomach upsets, so common among artificially-fed babies.

There is also the added psysological value to mother and baby. Breast fed babies are emotionally sound and satisfied and mothers who breast feed their babies have the joy and contentment of motherhood. This also brings a close bond between mother and child and above all every mother can afford this milk for her baby. A breast fed baby starts life with a sense of security.

To the mother it also means less work, no cleaning of bottles and teats, no washing of pots and no worries about infection as long as the mother is clean.

With all these advantages it is difficult to understand why mothers prefer artificial feeding. Perhaps it is due to the prestige value as that done by the "elite" for cosmetic reason and because of the free availability and wide variety of artificial milk foods, in the market. Artificial milk foods were initially only used to supplement breast milk but now seems to have taken over infant feeding completely.

Until recently artificial milk food preparations were considered to be similar to breast milk and recent research however has shown that the mineral content is not the same as in breast milk which is the ideal food for the normal development of the infant. In addition there are other conditions associated with artificial milk, e.g.:

1. Allergic conditions
2. Diarrhoes and intestinal infections.
3. Constipation.
4. Mal absorption, etc.

There are however situations where every mother cannot breast feed her child. When a mother is suffering from an infectious disease like Tuberculosis she cannot breast feed her baby. Working mothers cannot breast feed their babies for every feed but they could certainly arrange the feeding schedule to include as many feeds as possible before and after and in between working hours. An unwilling or an over-anxious mother cannot breast feed her baby as milk secretion will be limited.

In all these cases baby's food has to be complemented with artificial milk and as a result most mothers give in to artificial feeding as the easy way out. Breast feeding also restricts social life, but this must be rearranged to suit baby's feeding schedule and it would be ideal to breast feed baby up to 8 to 9 months. Do not stop nursing your babies even if feeds have to be complemented with artificial feeds.

It is heartening to find that the percentage of mothers breast feeding their babies has risen during the past few years and mothers are taking heed of advise.

The doctors and staff of the maternal and child health services are always available to help and advise mothers and help them with individual problems regarding breast feeding.

We hope mothers will rise above false values. Remember that BREAST MILK is the best milk for baby and cannot be substitued with any artificial milk food.




# BERHATI2 DALAM SOAL MAKAN DAN MINUM

TERMASOK dosa besar di-samping judi ia-lah arak. Pada Juma'at yang lepas kita berchakap mengenai judi, dan hari ini kita mengulangi lagi mengenai arak. Pengharaman arak ada-lah tegas dan terang, ia tidak boleh di-bahas dan di-tawar2 lagi. Firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Maedah ayat 90-91 yang bermaksud: *"Wahai orang2 yang beriman, sesunggoh-nya minum arak, berjudi, menyembah berhala dan bertenong nasib ada-lah perbuatan keji dari amalan2 shaitan, maka hendak-lah kamu jauhi, semoga kamu beroleh kemenangan. Sesunggoh-nya shaitan itu bertujuan hendak menchetuskan permusohan dan perkelahian di-sebabkan oleh arak dan judi, dan menghalang kamu dari mengingati Allah dan mendirikan sembahyang, maka hendak-lah kamu berhenti".*

Ugama Islam meletakkan asas atau dasar pengharaman itu ada-lah mutlak, maana-nya tidak kira samada sedikit atau banyak, samada peminumnya menjadi mabok atau tidak, sa-bagaimana hal ini amat terang di-sebut oleh hadith2 Nabi yang antara-nya bermaksud: *"Sa-tiap yang memabokkan ada-lah arak, dan arak itu ada-lah haram. Sa-tiap yang memabokkan samada banyak atau sedikit ada-lah haram."*

Memandang betapa dahshat-nya keburokan atau kejahatan dari arak itu, maka Islam bukan sahaja mengharamkan zat arak semata2, bahkan satiap perkara yang berkaitan dengan-nya juga ada-lah di-haramkan. Perkara2 yang berkaitan itu di-terangkan sa-bagaimana dalam hadith yang bermaksud: *"Nabi telah melaknat (mengutok) sa-puloh perkara pada arak, ia-itu pembuat arak, pemempah arak, pembawa arak, penerima arak, penuang arak, penjual arak, pemakan harga arak, peminum arak, pembeli arak, dan pembawa pelanggan atau pembeli arak."* (hadith riwayat At-Termiji dan Ibnu Majah).

Dalam zaman moden manusia ligat berfikir ini, ada orang2 yang menimbolkan arak sa-bagai ubat. Dalam hal ini Islam menjawab, bahawa arak bukan-lah ubat tetapi rachun. Dan dalam salah sa-buah hadith riwayat Abu Daud ada menerangkan lebeh jelas yang bermaksud: *"Sesunggoh-nya Allah telah menurunkan penyakit dan ubat, dan menjadikan bagi kamu satiap penyakit itu ada ubat-nya. Maka berubat-lah kamu, dan jangan-lah berubat dengan perkara2 yang haram".*

Kemudian issue kedua yang di-timbulkan orang ia-lah meminum minuman atau memakan makanan yang berchampor sedikit sahaja arak, saperti ice cream atau ketika yang berchampor dengan sedikit alkohol dan lain2 lagi.

Dalam hal ini, telah keluar baru2 ini sa-buah fatwa Mufti Kerajaan Brunei bilangan (176) yang bertarikh 20hb Shawal, 1398 bersamaan 23hb September, 1978 berkenaan dengan "essen vanilla dan jelly". Menurut sumber fana-nya, bahawa essen vanilla itu di-buat daripada alkohol dan jelly pula di-buat daripada tulang2 binatang yang tidak halal.

Dalam jawapan Pehin Mufti antara-nya menyimpulkan, bahawa adapun vanilla yang di-proses dan di-buat dengan ramuan alkohol ada-lah haram di-makan, kerana alkohol ada-lah arak dan arak ada-lah haram dengan nas Al-Kor'an dan hadith2 dan ijma' sekata umat Islam pada-nya.

Vanilla itu selalu-nya orang Melayu pakai dalam membuat ayer sirab dan membuat kueh dan kek.

Mengenai gilatin atau jelly di-perbuat daripada daging2 lembu dan kulit-nya sekali. Fatwa menegaskan, bahawa daging lembu dengan kulit-nya yang datang dari negeri bukan Islam atau negeri majusi penyembah berhala ada-lah bangkai. Dari itu jelly atau gilatin ada-lah haram di-makan oleh umat Islam dengan di-masokkan ka-dalam kueh2 atau lain2.

Dari keterangan di-atas, jelas-lah kapada kita bahawa tidak ada kelonggaran dalam soal arak itu, samada ia banyak atau sedikit. Hukum-nya tetap haram, dan rahsia pengharaman itu, Allah s.w.t. maha mengetahui lagi bijaksana. Kita umat Islam hendak-lah ta'at dan sentiasa berhati2 dalam soal makan minum ini, kerana soal makan minum ada-lah perkara besar, yang tidak boleh di-pandang ringan.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 25hb Oktober, 1978 hingga ka-hari Selasa 31hb Oktober, 1978 ada-lah saperti di-bawah ini : —

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 25hb Okt | 12.11 | 3.29 | 6.10 | 7.24 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 26hb Okt | 12.10 | 3.28 | 6.09 | 7.23 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 27hb Okt | 12.10 | 3.28 | 6.09 | 7.23 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 28hb Okt | 12.10 | 3.28 | 6.09 | 7.23 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 29hb Okt | 12.10 | 3.28 | 6.09 | 7.23 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 30hb Okt | 12.10 | 3.28 | 6.09 | 7.23 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 31hb Okt | 12.10 | 3.28 | 6.09 | 7.23 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# Merebut kemewahan dunia bukan untok kepentingan diri

## Bingkisan minggu ini

DUNIA ada-lah soal penting dalam ugama kerana ia memainkan peranan samada membolehkan sa-seorang itu bahagia atau derita; senang atau dukachita dan sebagai-nya. Satiap orang mempunyai ruang dan peluang tertentu untok hidup di-dunia ini. Masing2 mengejar bahagia, senang, gembira dan sebagai-nya. Mereka berusaha sechara bersunggoh-sunggoh dan gigih untok mengelak dari derita dan kesusahan. Ini-lah keistemewan2 asasi yang ada dalam Islam jika di-bandingkan dengan ugama2 lain, kerana dunia ini sendiri ada-lah jalan untok menuju ka-akhirat. Tidak ada jalan lain menuju ka-sana selain daripada jalan yang telah di-beri nama dunia ini.

Tidak-lah dapat di-nafikan bahawa segala hiasan dan kemewahan di-dunia ini sering mempersonakan manusia sehingga menyebabkan mereka lupa dan lalai kapada Allah, dan sa-olah2 hidup hanya akan berakhir di-sini saja. Mereka yang terpesona itu bermegah-megah dengan harta kekayaan, pangkat dan kedudokkan, tekan-menekan, rebut-merebut kuasa antara mereka, mengerjakan maksiat dan sebagai-nya. Seluroh waktu sepanjang hari dan malam ashik mengerjakan perkara2 ini, sehingga tidak dapat membedzakan antara baik dan burok, yang mana patut di-buat dan yang mana patut di-tinggalkan saja dan sebagai-nya. Ini pula akan menyebabkan menjadi renggang, teman seperjuangan menjadi musoh dan lain2 perkara yang mungkin akan terjadi hasil daripada-nya.

Tetapi, ada-kah kerana keadaan dunia yang sedemikian itu menyebabkan kita sa-bagai Umat Islam hendak melarikan diri? Dalam ajaran Islam, Allah meletakkan manusia di-dunia ini ada-lah sa-bagai khalifah. Erti-nya pentadbir dengan tugas mentadbir alam ini supaya ia menjadi makmur untok kegunaan manusia. Dunia dengan segala isi-nya dan langit dengan kandongan-nya ada-lah di-chiptakan untok manusia mentadbir-nya. Oleh sebab itu-lah kita harus merebut dunia ini, bukan untok kepentingan diri sendiri melainkan untok kepentingan kebenaran Ilahi. Bagaimana hendak merebut dunia, andai-nya kita melarikan diri dari dunia sa-belum dunia melepaskan kita ka-akhirat?

Memang-nya di-sedari bahawa dunia ini penoh dengan hiasan dan kemewahan yang sering mempersonakan manusia. Ujud-nya demikian ada-lah patut dan menasabah. Andai-nya tidak neschaya hidup ini tidak lagi di-katakan perjuangan. Yang tidak patut ia-lah kita terpesona dengan hiasan dan kemewahan tersebut sehingga melalaikan tugas2 manusia sa-bagai khalifah.

Ada-pun hakikat yang sebenar-nya, kenapa kita di-suroh untok merebut dunia dan seterus-nya menyayangi-nya, ada-lah kerana itu-lah satu2-nya jalan perintis sa-bagai usaha kita untok merebut dan menyayangi akhirat. Kedua-dua-nya tidak boleh di-pisahkan di-tempat dan di-waktu mana sekalipun, bahkan ia saling berhubong antara satu dengan yang lain.

Mengabaikan hal2 keduniaan bererti berusaha ka-arah melenyapkan Umat Islam yang akhir-nya membawa kapada mundor-nya peradaban Islam sendiri.

Ada-lah menjadi tugas kita untok menggesa dan menggalakkan semua Umat Islam supaya berkerja dengan sa-chara bersunggoh2 untok menchapai kemajuan2 menurut panduan yang telah di-beri oleh Allah s.w.t.

# PEMBERIAN SUSU IBU

SELUROH dunia mengakui bahawa susu ibu ada-lah susu yang terbaik untok kanak2 yang baharu lahir. Ia-nya ada-lah makanan yang sejati untok kanak2 dan tidak ada susu lain yang boleh menandingi susu ibu.

Tidak saperti makanan2 susu tepong, susu ibu tidak mengkehendaki iklan. Ia-nya berseh, sehat dan selamat. Ibu2 nampak-nya tidak begitu memberi perhatian yang berat akan kebaikan2 susu ibu ini dan hasil-nya sa-makin bertambah ibu2 yang bergantong kapada makanan susu tepong. Tabiat ini mesti-lah di-ubah dan masa-nya telah tiba untok menimbangkan pemberian susu ibu ini di-kalangan masharakat kita.

Sa-seorang kanak2 yang menyusu dada bukan hanya sa-takat menerima makanan yang sa-imbang tetapi sa-bagai tambahan ia-nya menerima dari ibu-nya faktor2 penchegah yang di-panggil penchegah penyakit yang mengawal kanak2 dari berbagai2 penyakit kanak2 dan memberi-nya kekuatan untok menentang penyakit2 itu. Faktor2 penchegah ini tidak di-dapati pada mana2 susu tepong.

Lain2 kebaikan yang terkandong dalam susu ibu ia-lah susu ibu itu berseh, baharu (bebas dari kuman) dan tidak mengkehendaki membuat persediaan2. Tidak ada langsong tentang bahaya chirit birit, penyakit2 perut, yang mana biasa-nya terdapat di-kalangan kanak2 yang menyusu susu tepong.

Tambahan nilai kejiwaan juga terdapat di-antara ibu dan anak-nya. Kanak2 yang di-berikan susu ibu-nya mempunyai perasaan yang sehat dan puas hati dan bagi ibu2 pula akan merasa gembira dan berpuas hati sa-bagai sa-orang ibu. Ini juga memberikan satu ikatan kaseh di-antara ibu dan anak dan dalam semua hal, sa-tiap ibu boleh memberikan susu dada kapada anak-nya. Kehidupan sa-seorang kanak2 yang menerima susu dada akan bermula dengan perasaan aman dan tenteram.

Kapada ibu, ia-nya juga memberikan ibu itu kurang pekerjaan dengan tidak payah menchuchi botol2 dan puting2 botol; menchuchi periok belanga dan tidak perlu bimbang tentang jangkitan penyakit asalkan ibu itu berseh.

Memandang kapada kebaikan2 ini, ada-lah sulit untok memahami mengapa ibu2 lebeh gemar memberi anak2-nya dengan susu tepong. Mungkin ini ada-lah di-sebabkan oleh pengaroh2 yang di-lakukan oleh pehak2 'sophisticated', sebab2 kechantekan dan di-sebabkan ia-nya senang di-perolehi dan terdapat bermacham2 jenis makanan kanak2 di-kedai2. Makanan tepong mula-nya hanya di-gunakan untok menampong pemberian susu ibu, tetapi sekarang nampak-nya telah mengambil aleh pemberian susu ibu ka-atas kanak2.



*INI ia-lah renchana PEMBERIAN SUSU IBU yang di-tulis oleh Dr. P. Durayappah, Pegawai Perubatan Bahagian Kesihatan, Brunei.*

*Renchana ini membicharakan tentang betapa besar-nya hikmat2 kesihatan yang di-terima oleh kanak2 yang di-berikan susu ibu yang tidak dapat di-tandingi oleh keadaan anak2 yang di-berikan susu tepong. Ia-nya di-siarkan bersempena Minggu Kesihatan yang sedang di-jalankan di-seluroh negeri.*

Sa-hingga sekarang persediaan makanan tepong di-anggap sama dengan susu ibu dan penyelidekan baharu2 ini bagaimanapun menunjokkan bahawa kandongan zat besi ada-lah makanan yang ideal bagi pembesaran biasa sa-orang kanak2 itu. Tambahan pula, terdapat sebab2 yang lain berhubong dengan susu tepong, misal-nya:

1. Alahan (Allergic)
2. Chirit birit dan jangkitan penyakit dalam perut
3. Sembelit
4. Masok Angin dan sebagai-nya.

Walau bagaimana pun terdapat keadaan sa-seorang ibu itu tidak boleh menyusukan anak-nya dengan susu dada, ia-itu apabila sa-seorang ibu itu mengidap penyakit yang berjangkit saperti T.B. dimana dia tidak boleh menyusukan anak-nya.

Ibu2 yang bekerja tidak boleh menyusukan anak2-nya pada sa-tiap kali penyusuan, tetapi mereka ini tentu boleh mengator jadual penyusuan yang meliputi sa-berapa banyak pemberian susu yang boleh sama ada sa-belum, salepas atau di-antara masa bekerja. Sa-orang ibu sama ada ia-nya enggan atau suka untok memberikan susu-nya kapada anak-nya tidak dapat menyusui anak-nya di-sebabkan terhad-nya pengeluaran ayer susu-nya. Dalam hal ini, terpaksa-lah makanan kanak2 itu di-tambah dengan susu tepong dan hasil-nya, kebanyakan ibu2 memberikan susu tepong sa-bagai chara yang lebeh senang untok mengatasi pemberian susu ibu.

Sa-orang ibu mendapati bahawa pergaulan sosial-nya ada-lah terhad, tetapi ini hendak-lah di-ator semula untok mensesuaikan jadual pemberian susu dada pada kanak2 itu dan ada-lah lebeh baik memberi kanak2 itu susu ibu-nya sa-hingga ia-nya berumor 8 atau 9 bulan. Jangan-lah ibu2 berhenti menyusukan anak ibu2, walaupun penyusuan terpaksa di-tambah dengan susu tepong.

Ada-lah mengembirakan bila mendapati yang peratus ibu2 yang menyusukan anak2-nya telah meningkat dalam masa beberapa tahun yang lepas, yang mana ibu2 telah menerima nasihat.

Doktor2 dan kakitangan2 perkhidmatan ibu2 dan Kesihatan Kanak2 sentiasa bersedia untok menolong dan menasehat ibu2 dan membantu mereka dalam masaalah2 persendirian mengenai pemberian susu ibu.

Kami berharap ibu2 akan menentang nilai2 yang salah di-atas. Dan ingat-lah bahawa Susu Ibu ada-lah susu yang lebeh baik untok kanak2 dan tidak boleh di-ganti dengan mana2 susu tepong.




# *Fikiran sehat menggambarkan peribadi yang sempurna*

BANDAR SERI BEGAWAN.— Pemangku Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar bin Dato Paduka Haji Nordin menyeru pelukis2 di-negeri ini agar terus bergiat pada memperbanyakkan hasil karya masing2 demi untok meninggikan dan menambah lagi hasil2 chiptaan baru.

Yang Berhormat menambah bahawa hasil chiptaan baru yang tidak putus2 di-lahirkan dari perasaan jiwa yang menjadi bentok dan gambaran warna warni ada-lah penting dalam satu2 negara, kerana ia-nya ada-lah membayangkan detik sejarah jenerasi yang di-wakili, yang mana nanti akan menjadi restaan.

Beruchap merasmikan Pameran Senilukis di-Muzium di-sini Selasa minggu lalu, Yang Behormat itu seterus-nya menyatakan yang kesempurnaan bagi menchapai kemuliaan matalamat yang di-hajati itu walau bagaimanapun ada-lah bergantong kapada pemikiran yang sempurna dan otak yang sehat.

"Dari otak yang sehat, sehat-lah peribadi yang terukir, dan dari otak yang kurang sehat, burok-lah wajah peribadi yang di-gambarkan," jelas Yang Berhormat.

"Senilukis itu ada-lah antarabangsa, tetapi anggaplah antarabangsa-nya itu dari segi asas kualiti-nya, kerana asas kualiti kebudayaan dan keugamaan juga ada-lah intisari jiwa yang harus di-gambarkan bagi identiti yang mesti hidup berterusan," kata Yang Berhormat.

Menyentoh tentang masa depan pelukis2 tanah ayer, Yang Berhormat kemudian membawa para pelukis meninjau akan kedudokan kebanyakan pelukis2 di-negara2 yang sudah maju yang mana kata-nya mereka sudah lama boleh hidup berdikari tanpa makan gaji dan bergantong pada mana2 pertubohan.

Langkah ini jelas Yang Berhormat, ada-lah menjadi kebanggaan terutama kapada para pelukis tanah ayer jika ia-nya dapat di-ikuti tambahan pula mereka ada-lah tidak kurang dari segi kebolehan dalam menampakkan bakat masing2.

Peraduan tersebut di-bahagikan kapada enam bahagian. Pengiran Ibrahim bin Pengiran Haji Abu Bakar dalam bahagian batek, Fahmi bin Haji Suhaili dalam bahagian potret, Bimbo Pasqual dalam bahagian archa, Steve Mitchell dalam bahagian pemandangan, Norariffin bin Md Yassin dalam bahagian abstrek manakala dalam bahagian benda kaku pula telah di-menangi oleh Osman Mohammad.

Hadiah kapada pemenang2 telah di-sampaikan oleh YB Dato Paduka Haji Johar.

Pameran tersebut di-buka sa-hingga 29hb Oktober ini.



**Pengerusi Peraduan, Pengiran Asmalee bin Pg Ahmad (kanan) menyampaikan sa-keping lukisan sa-bagai chenderamata kapada Y.B. Dato Paduka Dr. Haji Johar.**



**Bimbo Pasqual, pemenang pertama dalam bahagian archa sedang menerima hadiah yang di-sampaikan oleh Y.B. Dato Paduka Dr Haji Johar.**

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 25HB. OKT.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 STAR TREK "The Naked Time"
6.10 AZAN MAGHRIB
6.14 STAR TREK — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 RICH MAN POOR MAN — Episod 15
Rudy menjaga keselamatan sa-orang saksi yang dapat menghanchorkan dunia Estep, sementara Falconetti yang mendapat tahu Wes sedang mengesan jejak-nya menjadi pemburu dan bukan orang yang di-buru.
7.24 AZAN ISHA
7.28 RICH MAN POOR MAN — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 BEWITCHED — "If They Never Met"
Endora mengembalikan Darrin ka-dunia bujang-nya untok membuktikan bahawa ia akan lebeh bahagia kira-nya ia tidak mengahwini Samantha.
9.00 SHOW OF THE WEEK — "James Last Star Parade"
9.50 PERLAWANAN GUSTI
10.50 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 26HB. OKT.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 VALLEY OF THE DINOSAURS — "Forbidden Fruit"
6.09 AZAN MAGHRIB
6.13 VALLEY OF DINOSAURS
6.30 THE SECRET OF ISIS — "Seeing Eye Horse"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS



"One-Punch Wolfson" ada-lah tajok siri LUCAN minggu ini. Dalam episod terakhir ini Lucan mendapatkan sa-orang tukang emas yang mengukir jam yang di-temui-nya di-tempat tinggal serigala yang boleh membawa kapada identiti-nya. Ketika Lucan menemui tukang emas itu, kedai itu telah di-rompak dan penchuri2 itu melarikan jam Lucan. Apa-kah yang terjadi seterus-nya? Dapat-kah Lucan menangkap penchuri2 itu? Atau dapat-kah ia memperolehi kembali jam-nya? Jangan lupa menyaksikan episod terakhir ini pada hari Selasa jam 7.15 malam.

Kevin Brophy sa-bagai Lucan dalam episod terakhir siri ini.

7.15 HOW THE WEST WAS WON
7.23 AZAN ISHA
7.27 HOW THE WEST WAS WON — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 HIDAYAT
9.00 DOKUMENTARI MELAYU — Audubon Wildlife Theatre "Return to the Pelican Island"
Di-sa-buah pulau terpenchil di-Barat Amerika Sharikat, burong2 pelican membuat sarang dan memelihara anak2-nya. Kesah mengenai burong yang ganjil ini di-perlihatkan dengan menarek sa-chara detail dan gambar2 jarak dekat yang sunggoh menakjubkan.
9.30 TAYANGAN FILEM MELAYU
11.30 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 27HB. OKT.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 AL-KESAH — "Asal Usul Beras"
5.30 PADDINGTON BEAR
5.40 THE LEARNING TREE
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SAYANG ADEK-KU SAYANG
6.09 AZAN MAGHRIB
6.13 SAYANG ADEK-KU SAYANG — sambongan
6.30 THE MUPPETS

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE GENERATION GAME
7.23 AZAN ISHA
7.27 THE GENERATION GAME — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 SEKITAR TANAH AYER
9.00 THE ROLF HARRIS SHOW
9.30 THE DAVID NIXON MAGIC SHOW
10.15 QUINCY "Hit and Run at Danny's"
Siri baru Quincy, pakar patholoji yang pintar membongkar satu kes yang menyulitkan yang melibatkan ajen2 federal ketika menyiasat satu kemalangan hit and run.
11.05 NIGHT GALLERY
Kesah2 yang menggerunkan mengenai sa-buah rumah berhantu, Count Dracula dan sa-orang pendatang baru di-Neraka.
11.55 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 28HB. OKT.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN/SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 THE LOST ISLAND —
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 CHILDREN'S FEATURE — "All At Sea"
6.09 AZAN MAGHRIB
6.13 CHILDREN'S FEATURE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DOCTORS' HOSPITAL — "The Loneliest Night"
7.23 AZAN ISHA
7.27 DOCTORS' HOSPITAL — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 INTISARI
9.00 ERIC SYKES



DR JAKE Goodwin (George Peppard) ada-lah sa-orang sahaja yang mengambil berat terhadap Carole Williams dalam cherita "The Loneliest Night" — episod minggu ini dalam siri DOCTORS' HOSPITAL. Carole yang merupakan beban kapada ibu bapa-nya dan kawan2-nya, menyulitkan pakar penyakit jiwa yang mengubati-nya dan sekarang pula bersunggoh2, untok chuba menjadi kekaseh Dr Goodwin. Doctors' Hospital akan dapat di-saksikan pada hari Sabtu jam 7.15 malam.

•

9.30 STARSKY AND HUTCH — "Fatal Charm"
10.20 PREMIER SOCCER
11.10 TAYANGAN MALAM SABTU: "A Circle of Children"
12.50 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 29HB. OKT.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 CHOMAT DAN CHOMEL "Bintek2"
5.30 DAISY DAISY
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 ATOM ANT — "Termighty"
6.09 AZAN MAGHRIB
6.13 ATOM ANT — sambongan
6.30 THE ADVENTURES OF BLACK BEAUTY — "Runaway"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE INCREDIBLE HULK "The Waterfront Story"
7.23 AZAN ISHA
7.27 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 PUSPARAMA
Kita akan di-hiborkan pada kali ini oleh penyanyi yang tak asing lagi Halil Chik.
9.20 ANNA KARENINA — Episod kedua
Levin, merasa amat dukachita apabila peminangan-nya di-tolak, lalu pergi menemui saudara-nya yang malang. Nikolai, sementara Anna menghadhiri Pesta Agong bersama2 Kitty yang mengharapkan sesuatu kejadian yang menarek. Tetapi sesuatu yang tidak di-sangka2 pula terjadi.
10.10 THE COLLABORATORS — "Tell Them What You Know"
11.00 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 30HB. OKT.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — "Be My Friend" — Bahagian kedua.
6.09 AZAN MAGHRIB
6.13 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CHARLIE'S ANGELS —
"Angels on Ice" — Bahagian Pertama. Sebaik2 sahaja sa-belum pembukaan pertunjokkan di-atas ais yang besar2-an, kedua2 bintang2-nya, Jack dan Helene menghilang dan The Angels di-panggil untok mengesan jejak mereka.
7.23 AZAN ISHA
7.27 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 BAHAS
9.00 SYDNEY TO HOBART YACHT RACE 1977
9.50 BIG HAWAII — "You Can't Lose 'Em All".
Sa-orang sahabat lama Mitch munchul — Cal Seward, sa-orang bintang rodeo yang memegang rahsia.
10.40 WINGS — "Volunteer"
11.30 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 31HB. OKT.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.09 AZAN MAGHRIB
6.13 SESAME STREET — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 LUCAN — "One-Punch Wolfson"
7.23 AZAN ISHA
7.27 LUCAN — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 SEKITAR TANAH AYER
9.00 KEBUN KITA
9.30 THE PROFESSIONALS — "Long Shot"
10.20 DOKUMENTARI: Whicker's World "Honolulu"
11.10 SIARAN TAMAT.

# SUSUNAN RANCHANGAN MINGGUAN RADIO

## RABU

**PAGI**: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.00—Sain dan perusahaan (SU); 8.30—Chitra Irama; 9.00—Dendang Antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan Selokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran Selingan; 10.30 — Permintaan pagi Rabu; 11.30—Autograph pendengar. **T/HARI**: 12.00 — Tahu kah awda (SU) — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Apa kata mereka (SU); 1.30 — Persembahan pancharagam (SU). **PETANG**: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00—Tafsir Al-Koran (SU) — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Permintaan perajurit; 7.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat; — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — — Belia Zaman Ini; 9.00 — Terima-lah Sampul Surat; 9.30 — Hiboran Pilehan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

**PAGI**: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.15—Rampaian London; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Dendang sa-irama (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Taman Mekar (SU); 11.00 — Salam dari ku (SU); 11.30 — Rampaian irama. **T/HARI**: 12.00 — Selingkar Madah; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari, — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Tahu Kah Awda (ulangan); 1.30 — Ragam Mudi Mudi. **PETANG**: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Mari Berzikir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM**: 7.30 — Hidayat; 7.30 — Permainan gambus — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara Radio (US); 9.30 — Ku Sampaikan Salam; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## JUMAAT

**PAGI**: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Dendang Suria; 8.00—Untok kaum tani; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilehan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Soalan di-udara/apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Kuiz/Berbalas Pantun; 11.30—Hidayat (SU). **T/HARI**: 12.00—Permainan gambus (SU); 12.30—Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat, siaran langsong dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama; 2.00 — Belia zaman ini; 2.30 — Suara Dari Bintang; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Panorama Radio/Kursus di-radio; 3.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat (SU) —Azan untok fardhu Asar; 4.00—Dari Pengalaman Awda/Suara P.T.E. (SU); 4.30 — Sajak dan irama; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama Di-Senja; 6.00 — Irama lagu2 asli; 6.30 — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Cherpen dan selokan-nya; 7.30 — Dokumentari — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Siri Sejarah Brunei; 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Cheramah Minggu Ini; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong ria; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SABTU

**PAGI**: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15 — Hiboran Sambil Sarapan; 8.00 — Soalan di-udara apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.15 — Majallah Commonwealth; 9.30 — Apa pilehan awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Kursus Radio (SU) dan Panorama Radio (SU); 11.00 — Hiboran pilehan; 11.30 — Dari bintang ka-bintang (SU). **T/HARI**: 12.00—Peristiwa dunia minggu ini; 12.30 — Hiboran rampaian tengah hari — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Documentry Radio (SU); 1.30 — Permintaan hari Sabtu. **PETANG**: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Buloh Perindu; 6.15—Irama padang pasir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Chitra irama (SU); 7.30 — Bertuturan (SU); — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar Madah (US); 8.45 — Dari Pengalaman Awda; 9.00 — Kuiz/Berbalas Pantun (US); 9.30 — Suara P.T.E. (SU), Hidangan Melayu Asli; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.30—Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

**PAGI**: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Dendang Suria; 8.30 — Mari Berpantun; 8.00—Majallah Radio; 8.30—Dunia Wanita; 9.00 — Keluarga Si-Awang; 9.30—Taman Mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Permainan Pancharagam; 11.00 — Terima-lah Sampul Surat; 11.30 — Hello siapa di-sana; **T/HARI**: 12.00 — Sandiwara radio; 12.30 — Rampaian tengah hari — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria; 1.45 — Bualan minggu ini. **PETANG**: 2.15 — Suara Pulis Diraja; 2.45 — Hiboran; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Bertuturan (ulangan); — Azan untok fardhu Asar; 4.00 — Arena sokan; 4.30 — Siri Sejarah; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Mari Melanchong; 6.00 — Buloh Perindu; 6.15 — Persembahan aneka instrumental — Azan untok farhdu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Suara parajurit — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Apa kata mereka; 9.00 — Keluarga Jaya; 9.30 — Mari berzikir; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 —Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

**PAGI**: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran Sambil Sarapan; 8.00—Peristiwa dunia minggu ini (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusahaan (BBC); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Senandong irama. **T/HARI**: 12.00 — Mari Melanchong (SU); 12.15—Hiboran rampaian tengah hari; — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Permintaan jiran tetangga. **PETANG**: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran di-senja; 6.15 — Irama padang pasir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Arena sokan (SU); 7.30 — Keluarga Si-Awang (SU) — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Dari Pendengar Untok Pendengar; 9.00 — Untok kaum tani; (SU); 9.30 — Serbanika persembahan; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SELASA

**PAGI**: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.00—Dunia wanita (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30—Rampaian London (SU); 9.45—Hiboran Pilehan; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Senandong ria; 10.30 — Serbanika Persembahan (SU); 11.00 — Majallah radio/meninjau sambil lalu; 11.30 — Pusparagam; **T/HARI**: 12.00 — Cheramah minggu ini; — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Dari Pendengar Untok Pendengar (SU); 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara/dunia pelajar (SU). **PETANG**: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Persembahan Aneka Instrumental — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Bualan minggu ini (SU); 7.30 — Salam dari ku — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban: 8.30 — Suara Pulis Diraja (SU); 9.15 — Sajak Irama dan Budaya (SU); 9.45 — Senandong Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## APA PILEHAN AWDA

**DAYANG Marina binte Bakir, Peti Surat 1698, Bandar Seri Begawan, mendapat giliran untok memileh lagu2 dalam ruangan hiboran Apa Pilehan Awda minggu ini.**

**Lagu2 pilehan Dayang Marina akan dapat di-dengar melalui Radio Brunei pada hari Jumaat 27hb Oktober, 1978 jam 9.00 pagi dan siaran ulangan-nya pada hari Sabtu 9.30 pagi.**

# RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

## WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. NOON: 12.00 — The Young Sound with Tajul Ahmad. PM: 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — My Word; 8.30 — Midweek Greeting by Ja'afar Yaakub; 9.15 — News; 9.30 — Date-line; 10.00 Jazz Club — hosted by Tajul Ahmad; 10.30 — Close Down.

## THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon — we invite you to hop aboard our non-stop musical express; 11.45 — World of Education. NOON: 12.00 — My Word (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The General Paper, (Programme 13) "Literature"; 9.00 — What's Wrong with me, Doctor ? by Shirley Don; 9.15— News; 9.30 — International Call; 10.00 — The Paramor Sound I; 10.30 — Close Down.

## FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — The General Paper (repeat). NOON: 12.00 Our Brunei. PM: 12.30 — News; 12.45 — The Singing Bamboo by Shirley Don; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Lettermen live in Japan; 8.30 — Di Finlay's Casebook; 9.00 — Light Music from Netherland; 9.15 — News; 9.30 — Does the team think; 10.00 — BBC World Report; 10.15 — Date with Charley Pride; 10.30 — Close Down.

**The General Paper, Programme 13 Thursday 26th October, 1978. Title: "Literature" at 8.00 pm–9.00 pm.**

**Repeat Broadcast of Programme 13 — Friday 27th October, 1978. at 11.00 am–12.00 noon.**

**The General Paper Programme 14 — Sunday 29th October, 1978. Title: "Culture" at 11.30 pm–12.30 pm.**

**Repeat Broadcast of Programme 14 Monday 30th October, 1978 at 8.00 pm–9.00 pm.**

## SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Sweet and Stylish; 11.30 — Women's World produced by Charan Chand. NOON: 12.00 — Steptoe and Son; 12.30 — News: 12.45 — "Doors to Opportunity" by Jaafar Yaakub (repeat); 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Top of The Pops; 8.30 — Just For Variety by Jaafar Yakub; 9.15 — News; 9.30 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 10.30 — Close Down.

## SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour with Veronica Shim; 11.30 — The General Paper (Programme 14) "Culture". PM: 12.30 — News; 12.45 — Hot Question Cool Replies — produced by Nafisah Haji Ali; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Musical Diary by Nafisah Haji Ali; 8.30 — English Debating Competition for Secondary Schools. 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — 82nd Season of Henry Wood Promenade Concerts; 10.30 — Close Down.

## MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Music-Go-Round . . . an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure. NOON: 12.00— English Debating Competition for Secondary Schools (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — What Fascinates Me by Shirley Don; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement—The General Paper (repeat); 9.00 — Hot Question Cool Replies (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Doors To Opportunity by Jaafar Yaakub; 9.45 — Theatre Forty-Five "Death of the Insured by R. D. Wingfield"; 10.30 — Close Down.

## TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Housewives' Special; 11.45 — BBC Sport Magazine. NOON: 12.00 — Top of the Pops. PM: 12.30 — News; 12.45 — What's Wrong with me, Doctor (repeat); 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special Featuring "Joan Armatrading" Side 2; 8.30 — Forum — by Viviyanti Ali; 9.00 — Ticket, Tape and Telephone; 9.15 — News; 9.30 — Hello Tomorrow; 10.00 — Hits In Germany; 10.30 — Close Down.

# DYMM DAN KERABAT DIRAJA HADHIRI SAMBUTAN HARI RAYA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan berserta dengan Kerabat2 Diraja telah berkenan berangkat ka-Pasokan Battalion Kedua Askar Melayu Diraja Brunei di-Perkhemahan Tutong untok menghadhiri Sambutan Hari Raya yang di-anjorkan oleh Pegawai2 Waran dan Sarjan battalion tersebut.

Sambutan yang di-adakan pada hari Sabtu, 16hb Sept yang lalu itu telah di-langsongkan di-Dewan Gerak Badan pasokan itu.



Gambar sa-belah kiri kelihatan Baginda Yang Di-pertuan sedang di-iringi oleh Pegawai Waran Satu Asmat bin Garing yang menyambut keberangkatan Baginda manakala gambar sa-belah kanan antara Kerabat Diraja yang turut berangkat menghadhiri sambutan pada malam itu sedang beredar masok, kelihatan di-belakang, Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, J.A. Davidson turut menghadhiri-nya.

## Pesta Hari Raya Battalion ke-2

PADA 19hb Sept yang lalu juga Pasokan Battalion Kedua Askar Melayu Diraja Brunei telah sempat mengadakan Pesta Hari Raya yang telah di-langsongkan di-padang besar Perkhemahan Tutong.

Pesta yang terbuka untok kunjongan keluarga pasokan itu dan orang ramai malam itu telah di-penohi dengan berbagai2 achara termasok beberapa peraduan.

Gambar sa-belah kanan menunjokkan salah satu achara yang di-persembahkan pada malam itu yang berupa peraduan pakaian beragam bagai anak2 askar Battalion Kedua.






## PEGAWAI2 KANAN PULIS BERKURSUS

PEGAWAI2 Kanan Pulis dari sa-puloh buah negara, kini sedang mengikuti kursus sa-lama tiga bulan di-Universiti Pulis Britain ia-itu di-Maktab Pulis Bramshill di-Selatan England.

Kursus itu di-adakan untok memberikan pengertian yang luas ka-atas perengkat pengawalan perkhidmatan pulis British yang mana antara achara kursus termasok-lah penyertaan rengkas bagi peserta2 kursus dalam pasokan pulis daerah.

Perengkat akhir kursus tersebut termasok-lah menghadapi suasana2 tegang di-mana peserta2 kursus di-kehendaki menyusun langkah berjaga2 ketika menghadapi suasana2 pencholekan, mencholek kapal terbang dan serangan gerila, di-mana mereka di-kehendaki membuat gabongan gerakan pulis dan tentera.

Maktab Bramshill merupakan salah sa-buah pusat latehan yang tertinggi di-dunia untok mengikuti kursus bagi perkhidmatan pulis masa ini atau akan datang. Maktab ini juga mempunyai hubongan khas dengan pusat2 latehan pulis yang lain di-seluroh dunia.

Mengikuti kuliah di-perengkat akhir kursus tersebut ia-lah Inspektor O.I. Pollard dari Beliza (kiri); Superintenden P.A.C. Marathe dari Botswana dan Superintenden Dato Mustafa bin Ahmad dari Brunei yang kelihatan dalam gambar, bersama2 sedang menyusun gerakan pulis dan tentera bagi menghadapi suasana menahan orang2 tawanan.



## Latehan Tentera

SATU latehan tentera yang di-namakan 'Pisau Panjang' telah di-adakan oleh Pasokan Battalion Kedua AMDB pada 21hb hingga 25hb Sept yang lalu bertempat di-kawasan pendalaman Daerah Tutong dan Belait.

Sa-banyak empat unit dari Battalion tersebut telah mengambil bahagian dalam latehan itu yang terdiri dari Kompeni2 'E', 'F', 'G' dan Kompeni Memerentah di-samping pasokan ke-10 Askar Gurkha yang bertindak sa-bagai pasokan musoh.

Kelihatan dalam gambar bawah Lt. Kol. W. R. Avens, Pegawai Pemerentah Battalion Kedua AMDB berserta pegawai2 dan anggota pasokan itu ketika berada di-khemah latehan.

## Pegawai Pemerentah di-naikkan pangkat

PEGAWAI Pemerentah Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Kolonel Norman Roberts telah di-naikkan pangkat kapada Brigadier. Kenaikan itu telah di-umomkan oleh Kementerian Pertahanan British di-London pada 22hb Sept yang baru lalu.

Dengan kenaikan itu Brigadier Norman Roberts kini akan terus menjalankan perkhidmatan-nya dengan Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei sa-hingga tahun 1981.

Beliau telah berkhidmat dalam pasokan tentera British lebeh dari 25 tahun, dan telah berkhidmat dengan AMDB hampir tiga tahun.



# PERLAWANAN PING PONG PERENGKAT AKHIR SEKOLAH2 MENENGAH BAWAH DAN ATAS

BELIA DAN SOKAN





## Pesta Pantai penuntut2 Kelas Dewasa

KUALA BELAIT. — Satu Temasha Pesta Pantai anjoran Penyelia2 Kelas Dewasa di-Daerah Belait akan di-adakan pada 3hb Disember depan, di-Pantai Lumut.

Kira2 1,600 orang penuntut kelas dewasa serta ahli2 dari tiga buah persatuan perempuan di-daerah tersebut akan turut serta dalam pesta itu.

Beberapa achara menarek akan di-adakan termasok pertandingan sokan dan pertunjokkan kebudayaan yang terbuka kapada orang ramai untok menyertai-nya.

Gerai2 makan juga akan di-adakan pada hari itu. Bagi mereka yang ingin menjaja makanan dan minuman boleh-lah berhubong dengan jawatan-kuasa penganjor di-Sekolah Menengah Melayu Mohammad Alam Seria untok mendapatkan gerai2 tersebut.

GAMBAR2 atas menunjokkan ketika perlawanan2 Ping Pong Perengkat Akhir antara Sekolah2 Menengah Bawah dan Atas yang telah berlangsong di-Dewan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong pada 15hb Oktober yang lalu.

Dalam perlawanan bagi Sekolah2 Menengah Bawah, Maktab SOAS (Junior) telah munchol sa-bagai johan bahagian lelaki sementara Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim johan dalam bahagian perempuan.

Bagi Sekolah2 Menengah Atas, Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan munchol sa-bagai johan bahagian lelaki dan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim johan dalam bahagian perempuan.

## Tujoh buah pasokan sertai kejohanan bola-keranjang

KUALA BELAIT. — Sabanyak tujoh buah pasokan termasok tiga pasokan wanita telah mendaftar untok menyertai kejohanan bola-keranjang anjoran Persatuan Bola Keranjang Daerah Belait.

Kejohanan itu akan bermula pada 28hb Oktober bertempat di-Gelanggang Persatuan Kejuruteraan China, Seria. Tiap2 perlawanan akan bermula pada pukol 7.00 malam. Orang ramai ada-lah di-jemput untok menyaksikan perlawanan2 tersebut.

PERMAINAN Peraduan Lalu-lintas bagi sekolah2 rendah di-seluroh negeri telah di-adakan di-hadapan Bangunan Pejabat Setia Usaha Kerajaan pada 15hb Oktober yang lalu. Perlawanan kali pertama dianjorkan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad itu berthemakan Keselamatan Jalanraya, Tanggong-jawab Orang Ramai. Lapan buah sekolah dari tiga daerah telah mengambil bahagian dalam peraduan tersebut.

Gambar2 bawah menunjokkan ketika peraduan tersebut sedang di-jalankan.

## Sedang menjalani latehan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei sekali lagi akan menyertai Perlawanan Bolasepak Antara Sekolah2 Sa-Asia. Perlawanan tahunan bagi penuntut2 yang berumor 18 tahun kabawah itu akan di-adakan di-Sri Lanka dalam bulan Disember depan.

Sa-bagai persiapan untok menyertai perlawanan tersebut, Jabatan Pelajaran Bahagian Latehan Jasmani telah pun memileh 21 orang penuntut dari seluroh negeri untok menjalani latehan sa-tempat sejak 16hb Oktober yang lalu. Dari 21 orang itu, 18 orang sahaja akan di-pileh untok mewakili Brunei ka-perlawanan tersebut.

Pada tahun lalu, Brunei juga telah menyertai perlawanan yang sama yang telah di-adakan di-Agra, India.

## Kejohanan billiard

SERIA. — Kejohanan billiard Kelab Ria Shell bagi tahun 1978 akan di-langsongkan di-Dewan Billiard Kelab tersebut pada 12hb Nobember depan.

Perlawanan2 pusingan awal dalam kejohanan yang di-bahagikan kapada tiga bahagian itu telah pun bermula pada minggu lalu.






# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

1. PEGAWAI PERUBATAN KANAN BAHAGIAN KESIHATAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 mesti-lah mempunyai :

a) Ijazah Perubatan serta Diploma kesihatan Awam atau kelayakan yang sebanding daripada institiut2 yang di-iktiraf.

b) Pengetahuan luas di-bidang Preventive Medicine di-negeri2 tropika.

Chalon2 hendak-lah berumor di-bawah 55 tahun.

Keutamaan akan di-beri kapada pegawai2 yang sedang berkhidmat di-dalam Jabatan yang telah bertugas di-Bahagian Kesihatan Awam sa-lama sekurang2-nya tiga tahun.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji M. 17 — B$3388 tetap.

2. PENYELIA JURURAWAT :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 hendak-lah mempunyai kelayakan2 S.R.N. dan S.C.M. dari United Kingdom atau kelayakan yang sebanding dan mesti-lah juga mempunyai Advanced Nursing Diploma. Chalon2 hendak-lah mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman dalam sesuatu jawatan Nursing yang kanan.

Chalon2 hendak-lah berumor di-bawah 55 tahun.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji M. 12 —B$2053-2129-2206-2282/EB/2359-2435-2512-2588-2665. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Chalon yang di-lantek akan di-tempatkan untok bertugas di-Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait.

3. PENGETUA JURURAWAT MENGAJAR :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 mesti-lah mempunyai kelayakan2 S.R.N. dan S.C.M. dari United Kingdom atau kelayakan yang sebanding dan mesti-lah juga mempunyai Diploma Pengajar Ketua Jururawat.

Chalon2 hendak-lah mempunyai sekurang2-nya 10 tahun pengalaman dalam satu2 jawatan kanan sebagai Pengajar di-Sekolah Latehan Jururawat serta bertanggongjawab bagi pentadbiran bagi Sekolah Latehan tersebut.

Chalon2 hendak-lah berumor di-bawah 55 tahun.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji M. 12 —B$2053-2129-2206-2282/EB/2359-2435-2512-2588-2665. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Chalon yang terpileh akan mengetahui Latehan bagi Jururawat2 dan Pembantu2 Hospital, Jabatan Perubatan dan Kesihatan serta bertanggongjawab bagi menganjorkan Kursus Ulangkaji untok Jururawat2 dan Pembantu2 Hospital Terlateh.

4. KETUA JURURAWAT PENGAJAR :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 mesti-lah mempunyai kelayakan S.R.N. dan S.C.M. dari United Kingdom atau kelayakan yang sebanding dan mesti-lah juga mempunyai Diploma Pengajar Ketua Jururawat.

Chalon2 hendak-lah mempunyai sekurang2-nya beberapa tahun pengalaman mengajar di-Sekolah Latehan Jururawat.

Berumor di-bawah 40 tahun.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji M.11 — B$1670 - 1734 - 1798 - 1862 - 1925 - 1989/ E B /2053 - 2117 - 2180-2244-2308. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Chalon2 akan membantu lain2 Ketua Pengajar Jururawat untok mengajar penuntut2 dan Jururawat2 Pelateh serta Pembantu2 Hospital di-Sekolah Latehan Jururawat.

5. KETUA JURURAWAT PERBIDANAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah terdiri dari Jururawat2 yang berkelayakan S.R.N. dari United Kingdom, atau layak untok di-daftarkan sedemikian.

b) Mesti-lah mempunyai sesuatu Sijil Perbidanan.

c) Mesti-lah berkelayakan sebagai Pengajar Perbidanan.

d) Sebaik2-nya pemohon hendak-lah juga boleh mengajar dalam bahasa Melayu basahan sa-hari2.

**Tugas2 :**

Mengetuai Sekolah Latehan Perbidanan di-mana Bidan2 Pelateh di-beri latehan untok memperolehi Sijil Perbidanan Division I dan II.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji M.11 — B$1670 - 1734 - 1798 - 1862 - 1925 - 1989/ E B /2053 - 2117 - 2180-2244-2308. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada chukai pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 11hb Disember, 1978.

(E/846/78 — Bil: 120/1978)

## Di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

1. JURUTEKNIK MAKMAL KANAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Chalon2 mesti-lah mempunyai ONC/OND dalam perkara2 perubatan makmal atau yang sebanding dengan-nya.

b) Sekurang2-nya mempunyai pengalaman 5 tahun sabagai Juruteknik Makmal Terlateh.

Umor : Kurang dari 40 tahun.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji M. 8 EB 9 — $1097-1135-1173-1211-1250-1301-1352-1403-1454/ EB /1505-1556-1607 - 1658 - 1709. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. JURUTEKNIK MAKMAL TERLATEH :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 mesti-lah mempunyai ONC/OND dalam perkara2 perubatan makmal atau yang sebanding dengan-nya.

Umor : Kurang dari 30 tahun.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji M. 4-5 EB.6 — $650-682-714-746-778-810-880-905-931-956-982-1007-1033 / EB / 1173 - 1199 - 1224-1250-1301.

**Sharat2 Lantekan :**

Mereka yang bukan terdiri dari raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek sa-lama tiga tahun dengan kadar baksis sabanyak 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

